

Kerajaan ajak belia ternak kelulut

Bantu dapatkan sekurang-kurangnya 10 koloni dengan kos RM6,000 sebagai permulaan

SINAR HARIAN (CENTRAL) 5 MAC 2016 m/s 38

■ DIANA SURYA ABD WAHAB

KUANTAN – Kerajaan negeri berhasrat menjadikan projek perternakan kelulut madu sebagai platform belia, khususnya di luar bandar, menceburi bidang keusahawanan.

Exco Koperasi Keusahawanan dan Kepenggunaan Datuk Seri Shahiruddin Moin berkata, projek itu dijangka bermula pertengahan tahun ini melalui kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pahang, Konsortium Penyelaras Koperasi Negeri Pahang Berhad (Kospen) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Menurutnya, kerajaan negeri memandang serius projek itu kerana ia mampu memberi pulangan lumayan kepada pengusaha kerana pasaran madu kelulut cukup luas dan

memberangsangkan.

"Melalui pendekatan satu keluarga satu usahawan, usaha ini mampu meningkatkan lebih ramai usahawan di Pahang terutama belia luar bandar," katanya.

"Kita cuba pastikan melalui projek ini, seorang belia sekurang-kurangnya ada 10 koloni kelulut madu untuk diusahakan," katanya ketika ditemui selepas melawat projek perternakan kelulut madu di Pusat Perniagaan dan Pengeluaran Benih Bukit Goh, di sini, kelmarin.

Shahiruddin berkata, kerajaan negeri akan berunding dengan Kementerian Luar Bandar dalam masa terdekat untuk mencari jalan bagi membantu belia yang ingin menjadi usahawan kelulut ini mendapat sekurang-kurangnya 10 koloni dengan kos kira-kira RM6,000 sebagai permulaan.



Shahiruddin (dua, kiri) menyedut madu kelulut di Kospen Garden Bee Farm, Jabatan Pertanian Bukit Goh Daerah, ketika melawat projek ternakan kelulut, semalam.

"Kementerian itu mempunyai peruntukan khas membantu usahawan terutama belia di luar bandar," katanya.

Menurutnya, melalui projek itu, pelbagai produk kesihatan dan kecantikan berdasarkan madu kelulut dapat dihasilkan

dari masa ke masa sekali gus menjadikannya satu produk keluaran di negeri ini.

"Melalui penggunaan tek-

“Kita cuba pastikan melalui projek ini, seorang belia sekurang-kurangnya ada 10 koloni kelulut madu untuk diusahakan.”

- Shahiruddin Moin

nologi baharu, kita juga akan keluarkan beberapa produk lain berdasarkan kelulut madu seperti air mineral propolis, pisang berangan madu kelulut dan produk kecantikan," katanya.

Beliau berkata, permintaan madu sangat luas memandangkan kesemua produk yang dihasilkan bukan sahaja untuk pasaran tempatan, malah hingga ke peringkat luar negara.